



## UNTUK SIARAN SEGERA

### KENYATAAN MEDIA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

#### HASIL OPERASI PEMANTAUAN DAN PENGAWASAN KE ATAS AKTIVITI PENANGKAPAN IKAN DI PERAIRAN SELANGOR

1. Pada 16 hingga 19 Ogos 2016, penguatkuasa Jabatan Perikanan Malaysia telah menjalankan Operasi Pemantauan dan Pengawasan ke atas aktiviti penangkapan ikan dengan tumpuan utama di perairan Selangor. Operasi berkenaan dibuat berdasarkan rekod aduan nelayan di Selangor adalah antara paling tinggi berbanding negeri-negeri lain di seluruh negara. Mengikut rekod, tahun 2014 – 46 aduan, 2015 – 29 aduan dan 2016 – 7 kes) manakala vesel Pukat Tunda sentiasa menjadi isu tertinggi dalam aduan nelayan mengikut tahun yang sama.
2. Operasi pada 16 hingga 19 Ogos 2016 melibatkan sejumlah **empat (4) buah bot peronda Jabatan Perikanan** dengan **kekuatan 49 anggota** yang terdiri daripada pangkalan Melaka, Kuala Kurau dan Kampung Aceh, Perak dan Pelabuhan Klang, Selangor sendiri.
3. Operasi berkenaan dijalankan bagi sebagai sebahagian usaha Jabatan Perikanan untuk menyelesaikan aduan-aduan nelayan serta dapat melindungi sumber perikanan negara daripada aktiviti-aktiviti yang melanggar Akta Perikanan 1985.

4. Operasi berkenaan telah menghasilkan **sembilan (9) tangkapan terutamanya berhubung kes melanggar syarat lesen (Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985)**. Ia melibatkan sebuah vesel dengan peralatan Pukat Hanyut daripada Johor yang melanggar syarat lesen dengan menangkap ikan di perairan Melaka. Manakala **lapan (8) lagi kes melibatkan vesel Pukat Tunda iaitu tujuh (7) buah vesel zon B dan satu (1) buah vesel zon C**.
  
5. Pemeriksaan Jabatan Perikanan mendapati terdapat **tiga belas (13) kesalahan bagi kesemua kes** iaitu terdapat lima (5) kesalahan menggunakan mata pukat keroncong kurang 38mm, tiga (3) kesalahan mencero boh kawasan zon tradisional perairan zon A dan satu (1) kes kesalahan menggunakan kru asing melibatkan vesel zon C. Terdapat juga kesalahan bukan usaha sendiri dan percubaan memusnahkan barang kes (*ekshibit*).
  
6. **Sejumlah 29 “orang kena tahan” (OKT) iaitu enam (6) orang warga negara Myanmar, sembilan (9) orang warga negara Indonesia dan empat belas (14) warga negara Malaysia sendiri. Semua kesalahan boleh dikompaun minimum RM500 atau sehingga sejumlah tidak lebih RM20 ribu ringgit atau didakwa di mahkamah mengikut Seksyen 25 dan 31 Akta Perikanan 1985 dan boleh juga digantung atau dibatalkan lesen mengikut Seksyen 13 Akta yang sama.**
  
7. Jabatan Perikanan Malaysia menasihatkan kepada semua nelayan mematuhi syarat-syarat lesen mengikut Akta Perikanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Perikanan di bawahnya. Jabatan Perikanan Malaysia tidak akan bertolak ansur dan akan mengambil tindakan tegas terhadap sebarang aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang perikanan

dengan membuat tangkapan, mengkompaun atau mendakwa di mahkamah.

8. Jabatan Perikanan Malaysia sentiasa berusaha mempertingkatkan operasi dalam Program Pemantauan dan Pengawasan supaya perairan perikanan negara bebas daripada aktiviti menangkap ikan yang bertentangan dengan Akta Perikanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Perikanan di bawahnya. Jabatan perikanan malaysia akan terus menjalankan operasi program MCS sebagai sebahagian daripada langkah-langkah pengurusan perikanan yang sesuai dengan masa kini dan berusaha ke arah menjamin sumber perikanan yang mapan agar kekal menjadi sumber bekalan protein makanan utama penduduk negara pada masa sekarang dan untuk generasi yang akan datang.

####

Kenyataan media ini disiarkan oleh,

**UNIT KOMUNIKASI KOPORAT**  
Jabatan Perikanan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

22 Ogos 2016 jam 10 pagi